

1983

SEREMBAN, 22 MEI (BERNAMA)-- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBIDAS PIHAK TERTENTU YANG MEMBUAT TAFSIRAN KONONNYA PARA PEMIMPIN UMNO KINI SIBUK BERKEMPEN UNTUK MEMPERKUATKAN KEDUDUKAN MEREKA BAGI MENGHADAPI PEMILIHAN PUCUK PIMPINAN PARTI TAHUN DEPAN.

PERDANA MENTERI BERKATA GOLONGAN ITU MENDAKWA PEMIMPIN UMNO KINI SEDANG ASYIK +KE HULU KE HILIR+ BERKEMPEN UNTUK DIRI SENDIRI SEMASA MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN BAHAGIAN UMNO YANG SEDANG BERLANGSUNG DI SELURUH NEGARA.

+MEREKA MENGATAKAN PEMIMPIN ITU DAN INI DIJEMPUT MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG UMNO UNTUK BERKEMPEN BAGI MEMPERKUATKAN KEDUDUKAN SENDIRI SEHINGGALAH LUPA TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB SEBAGAI MENTERI,+ TAMBAH BELIAU YANG JUGA PRESIDEN UMNO SEMASA MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN MANTIN DI DEWAN BANDARAN DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN KEHADIRAN PEMIMPIN UMNO UNTUK MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN BAHAGIAN ADALAH PERKARA BIASA SETIAP TAHUN BUKAN UNTUK MEMPERKUATKAN KEDUDUKAN PEMIMPIN TETAPI UNTUK MEMPERKUKUHKAN KEDUDUKAN PARTI. - LAGI 1305/OM

ZCZC B538:

MAHATHIR-UMNO 2 SEREMBAN

TEGASNYA MEMANG MENJADI AMALAN UMNO BAGI PARA PEMIMPIN MENGHADIRI MESYUARAT PERWAKILAN BAHAGIAN UNTUK MENJALINKAN PERHUBUNGAN RAPAT DENGAN AHLI-AHLI JAWATANKUASA BAHAGIAN DAN ANGGOTA UMNO DI PERINGKAT BAHAGIAN BAGI MEMPERKUATKAN KEDUDUKAN UMNO.

+JIKA TIDAK MEMPUNYAI ACARA SEMACAM INI PEMIMPIN TIDAK MUNGKIN MENGENALI ANGGOTA UMNO DI PERINGKAT BAWAH DAN PERHUBUNGAN DI KALANGAN MEREKA TERPISAH SEHINGGA MENYEBABKAN UMNO LEMAH,+ KATA BELIAU.

+SAYA SENDIRI MENGAMALKAN TRADISI UMNO INI DI MANA SETIAP TAHUN SAYA CUBA MERASMIKAN SEKURANG-KURANGNYA SATU MESYUARAT PERWAKILAN BAHAGIAN DI SETIAP NEGERI.+

BELIAU MENGINGATKAN BAHAWA DALAM UMNO ADALAH TIDAK PENTING BAGI PEMIMPIN MEMPERKUATKAN KEDUDUKAN DIRI SENDIRI TETAPI YANG MENJADI KEUTAMAAN IALAH KEDUDUKAN UMNO YANG MENJADI TERAS KERAJAAN DAN POLITIK NEGARA.

MENURUTNYA DENGAN PERHUBUNGAN RAPAT ITU ANGGOTA UMNO TIDAK TERASA TERASING DARI PEMIMPIN MEREKA DAN WUJUD PERPADUAN TIDAK SEPERTI PEMIMPIN DI NEGARA LAIN YANG JARANG SEKALI MENEMUI CAWANGAN PARTI MASING-MASING. -- LAGI 1317/OM

ZCZC B539:

MAHATHIR-UMNO 3 SEREMBAN

MENURUT PERDANA MENTERI, PERHUBUNGAN DI ANTARA PEMIMPIN DI BEBERAPA NEGARA LUAR DENGAN RAKYAT MEREKA SANGAT KURANG DAN MEREKA CUMA +MENUNJUKKAN MUKA+ KEPADA PENGUNDI ATAU ANGGOTA CAWANGAN PARTI Masing-masing cuma semasa menjelang pilihanraya umum.

+TETAPI DI NEGARA INI MEMANG MENJADI SISTEM UMNO DI MANA PEMIMPIN BOLEH DIJUMPAI DI MANA-MANA SAHAJA SUNGGUHPUN MEREKA SIBUK DENGAN TUGAS Masing-masing.+

BELIAU KESAL KERANA KESIDIAAN PARA PEMIMPIN UMNO MENEMUI ANGGOTA BIASA DISALAHAFSIRKAN KONONNYA BERKEMPEN UNTUK MEMPERKUATKAN KEDUDUKAN SENDIRI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMINTA PEMIMPIN UMNO JANGAN MENGHIRAU TUDUHAN SEUMPAMA ITU DAN SEBALIKNYA TERUS MEMUPUK PERHUBUNGAN RAPAT DENGAN PENYOKONG MEREKA.

+SAYA BERSYUKUR PEMIMPIN UMNO TIDAK PERNAH BOSAN PERGI MENGHADIRI MESYUARAT PERWAKILAN BAHAGIAN-BAHAGIAN APABILA DIJEMPUT DAN SAYA HARAP KESANGGUPAN DAN SEMANGAT INI AKAN TERUS DIKALKAN UNTUK MENGEKALKAN KEDUDUKAN UMNO SEBAGAI PARTI PEMERINTAH.+ --LAGI  
1330/0M

MAHATHIR - UMNO 4 SEREMBAN

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENSIFATKAN TUDUHAN ITU SEBAGAI DAYA USAHA PIHAK TERTENTU YANG IRI HATI DENGAN PERJUANGAN UMNO YANG BERJAYA MENJADIKAN NEGARA INI AMAN, TENANG DAN MAJU.

KATANYA, RAMAI YANG CUBA BANGKITKAN BERBAGAI PERASAAN DI KALANGAN RAYAT TERHADAP UMNO KERANA JIKA UMNO SEBAGAI PARTI MENDUKUNG KERAJAAN EILEMAH DAN DIPERCAHKAN, KEADAAN BAHAGIA YANG DINIKMATI SEKARANG AKAN TAMAT SEKALIGUS.

DALAM UCAPANNYA BELIAU SEKA LAGI MEMEKANKAN PERLUYNA ANGGOTA UMNO FAHAM BAHAWA DEMOKRASI YANG MENJADI AMALAN PARTI TIDAK BERKNA SESEORANG ITU BOLEH MEREKUT SEBARANG JAWATAN TANPA MEMBERI KEUTAMAAN KEPADA KEPENTINGAN NEGARA DAN RAKYAT.

TEGASNYA SOAL SIAPA MENJADI PEMIMPIN ADALAH SOAL KEDUA TETAPI YANG UTAMA IALAH MENCAPAI KEJAYAAN UNTUK NEGARA.

KATANYA DEMOKRASI MEMBERI PELUANG KEPADA SEBIAPA SAHAJA UNTUK BERTANDING MEREKUT JAWATAN TETAPI TAMBAH BELIAU DALAM PEREBUTAN ITU, ORANG BERKENAAN AKAN MENGGUNAKAN CARA YANG TIDAK DIIZINKAN OLEH DEMOKRASI.

JELASYA ITULAH SEBABNYA BEBERAPA NEGARA MENGHAPUSKAN DEMOKRASI DAN MEMUJUDKAN PEMERINTAHAN DIKTATOR ATAU AUTOKRATIK KERANA RAKYATNYA TIDAK FAHAM SEKATAN DAN HAD YANG TERDAPAT DALAM SISTEM DEMOKRASI.  
BERNAMA 1400/MK